



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Kumpulanwang Pembangunan dan Kumpulanwang Pinjaman
Perumahan (Pindaan) 1978**

DR.25/1978

Akta Kumpulanwang Pembangunan—naskah sahih—Bahasa Inggeris

Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan—naskah sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 dan untuk membuat pindaan-pindaan berbangkit dan lain-lain pindaan kepada Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971.

[Seksyen 2 dan 3—1hb Januari 1978;

seksyen 4—3hb September 1971.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kumpulanwang Pembangunan dan Kumpulanwang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 1978.

Tajuk ringkas.

2. (1) Jadual Pertama kepada Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 adalah dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 10 perenggan yang berikut—

Pindaan bagi Jadual Pertama.
70/66.

“11. Any grant or transfer of moneys to the Housing Loans Fund specified in the Second Schedule to the Financial Procedure Act 1957 and for the purpose of that fund as specified in section 5 of the Housing Loans Fund Act 1971, subject to such terms and conditions as the Minister may impose.”

Act 61.

Act 42.

(2) Seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1978.

Pindaan
bagi
seksyen 2.
Akta 42.

3. (1) Seksyen 2 Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971 adalah dipinda dengan menggantikan seksyen-kecil (2) dengan yang berikut—

“(2) Jumlah-jumlah wang yang didapatkan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini boleh didapatkan

(a) dari mana-mana punca di bawah apa-apa perkiraan dan atas apa-apa had dan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Menteri Kewangan; dan

(b) melalui peruntukan dengan cara pinjaman atau pemindahan wang yang dibuat menurut peruntukan-peruntukan Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 dari Kumpulanwang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua kepada Akta Acara Kewangan 1957 kepada Kumpulanwang Pinjaman Perumahan Persekutuan, tertakluk kepada apa-apa had dan syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Menteri Kewangan.”

(2) Seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1978.

Pindaan
bagi
seksyen 5.
Akta 42.

4. (1) Seksyen 5 Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971 adalah dipinda—

(a) dengan memotong perkataan “atau” selepas koma bernoktah dalam perenggan-kecil (iii) perenggan

(a); dan

(b) dengan memasukkan perkataan “atau” selepas koma bernoktah dalam perenggan-kecil (iv) perenggan (a); dan

(c) dengan menggantikan perenggan-kecil (v) perenggan

(a) dengan yang berikut—

“(v) suami atau isteri bagi mana-mana orang yang telah mati (yang sebelum kematiannya telah layak, disebabkan ianya termasuk dalam satu daripada kategori-kategori orang-orang yang diperihalkan dalam perenggan-perenggan-kecil (i), (ii), (iii), dan (iv) perenggan ini,

untuk diberi suatu pinjaman atau bantuan faedah) sebagaimana diputuskan oleh Menteri Kewangan menurut budibicaranya tetapi pinjaman atau bantuan faedah yang diberi itu tidak boleh lebih daripada amaun pinjaman atau bantuan faedah yang orang yang mati layak diberi sebelum kematiannya;”.

(2) Seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 3hb September 1971.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 dan Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971 untuk membiayai selanjutnya Kumpulanwang Pinjaman Perumahan melalui pinjaman atau pemindahan wang yang dibuat kepadanya dengan cara peruntukan dari Kumpulanwang Pembangunan, tertakluk kepada apa-apa had dan syarat yang dikenakan oleh Menteri Kewangan.

Fasal 2 (1) bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 untuk memasukkan apa-apa pinjaman atau pemindahan wang kepada Kumpulanwang Pinjaman Perumahan di antara maksud-maksud bagi mana wang-wang dari Kumpulanwang Pembangunan boleh diperuntukkan melalui ketetapan yang diluluskan dari semasa ke semasa oleh Dewan Rakyat.

Fasal 3 (1) bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971 untuk meluaskan bidang bagi mendapatkan wang di bawah peruntukan-peruntukan Akta itu yang mana adalah mengikut pindaan-pindaan yang hendak dibuat terhadap Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966.

Pindaan-pindaan dalam *fasal 4* memperuntukkan perubahan-perubahan yang perlu bagi seksyen 5 Akta Kumpulanwang Pinjaman Perumahan 1971 untuk membuatkan seksyen itu bertambah terang semasa pemakaian.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang.

[PN. (U²) 899.]